

Pertahankan empat dimensi kejayaan negara

UM-17/9/2006

Oleh JAMDI NASIR
dan ZULHISHAM ISHAK

KOTA KINABALU 16 Sept. – Seluruh lapisan rakyat diminta mempertahankan empat dimensi kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai oleh negara selama 49 tahun merdeka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dimensi tersebut iaitu kestabilan negara, perpaduan kaum, kemajuan pembangunan dan keselamatan perlu dipastikan kekal untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Menurutnya, pencapaian besar empat dimensi itu tidak sekadar untuk diraikan, sebaliknya perlu dihayati dan difahami khususnya oleh generasi muda hari ini.

"Empat kejayaan besar ini tidak boleh dipandang enteng. Empat kejayaan dalam dimensi dan skop yang amat besar ini perlu dipertahankan oleh kita semua," katanya.

Najib berucap mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menutup perayaan Bulan Kemerdekaan ke-49

di hadapan lebih 15,000 rakyat di Stadium Likas, di sini malam ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim, Menteri-Menteri Kabinet dan Menteri Kabinet Sabah.

Menurut Najib, selepas mencapai kemerdekaan, pimpinan kerajaan berjaya mewujudkan kestabilan politik dan pemerintahan yang merupakan asas penting kepada kejayaan melaksanakan dasar dan matlamat negara.

Katanya, perpaduan dan keharmonian antara kaum pula adalah suatu pencapaian yang membanggakan terutama dalam keadaan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, budaya dan agama.

"Tidak ada negara yang mungkin lebih mencerminkan perpaduan dan keharmonian ini daripada negara kita. Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepelbagaian kaum dan keturunan jelas menunjukkan kita boleh hidup dalam aman damai dan harmoni.

Ketiganya pula ialah menunjukkan kita berjaya memacu pembangunan negara, membawa perubahan dan pembangunan

Empat kejayaan besar ini tidak boleh dipandang enteng. Empat kejayaan dalam dimensi dan skop yang amat besar ini perlu dipertahankan oleh kita semua

– Najib Tun Razak

yang begitu menakjubkan sehingga tidak ada negara yang dikatakan negara sedang membangun yang mempunyai masa depan yang begitu cerah," ujarnya.

Tambah beliau, dalam aspek keselamatan pula, pasukan keselamatan berjaya mematahkan ancaman yang menggugat kedaulatan terutama di awal pembentukan Malaysia dengan termasuk Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, kekuatan dan kecekapan pasukan keselamatan seperti tentera dan polis terbukti berjaya mengekalkan keamanan dan kedamaian di mana sahaja tanpa mengenal sempadan negeri.

Kita bersama dalam ikatan keluarga yang besar dan saling membantu. Kita wujudkan

pasukan tentera dan polis tidak kira mereka berasal dari negeri mana.

"Sama ada dari Perlis, Pahang dan Selangor, kalau bumi Sabah terancam kita sanggup berjuang dan berkorban demi rakyat Sabah," tegas beliau.

Menyentuh majlis penutup Bulan Kemerdekaan itu, Timbalan Perdana Menteri turut menyifatkan ia sebagai pembuka tirai ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 yang akan disambut dengan lebih meriah tahun depan.

Terdahulu, Najib dan Musa diarak mengelilingi stadium menaiki replika gerabak kereta api Borneo Utara yang merupakan simbol pengangkutan utama di Sabah pada suatu ketika dahulu.